

**TEKS UCAPAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI (IPTS)
HARI BERSAMA PELANGGAN IPTS SIRI 2/2017 : TAKLIMAT PENAMBAHBAIKAN DAN
PERSEDIAAN PENARAFAN MYQUEST SESI 2016/2017 SERTA PENGENALAN MODUL E-IPTS
ZON SELATAN DAN KUALA LUMPUR
7 MAC 2016
DEWAN ZAABA , KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI, PRESINT 5**

SALUTATION

- Yang Berusaha Pengarah-pengarah Bahagian di Sektor Pengurusan IPTS, Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Yang dihormati panel jemputan MyQUEST dari Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Wakil-wakil IPTS
- Dato', Dr. Prof., Tuan-tuan, Puan-puan para hadirin sekalian
- Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh
- Salam sejahtera, Salam 1 Malaysia
- Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya jua maka dapat kita hadir di Hari Bersama Pelanggan IPTS Siri 2/2017 pada hari ini.

- Program Hari Bersama Pelanggan IPTS telah dijadikan sebagai program sepanjang tahun bagi tahun 2017 yang akan diadakan setiap 2 minggu. Pelaksanaan Hari Bersama Pelanggan IPTS 2017 dilaksanakan mengikut zon. Pelaksanaan HBP lebih berbentuk kepada 'hands-on' terutama yang melibatkan proses kerja di IPTS. Selain itu, sesi dialog bersama YB Menteri Pendidikan Tinggi dan YBhg Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, JPT turut diselitkan mengikut tarikh – tarikh yang dipersetujui.
- Program Hari Bersama Pelanggan IPTS 2017 akan berlangsung selama 2 hari iaitu zon Selatan, Kuala Lumpur, Utara dan Selangor. Saya difahamkan pada hari ini sejumlah lebih kurang 150 IPTS telah hadir.
- Terima kasih diucapkan kepada Ketua-ketua Eksekutif dan wakil pengurusan IPTS, tidak lupa juga kepada agensi-agensi jemputan atas komitmen dan kesudian mereka untuk menghadiri dan memberikan pencerahan berhubung gerak kerja operasi yang dilakukan bagi memastikan pengoperasian IPTS berjalan lancar dan mematuhi peraturan semasa yang telah ditetapkan
- Sesi pertemuan pada hari ini merupakan antara usaha kementerian untuk mengeratkan hubungan kerjasama kementerian dan IPTS, selain berkongsi pandangan berkenaan isu-isu yang dihadapi oleh IPTS dan membuat hebahan berhubung hasrat dan aspirasi KPT dalam menerajui pendidikan Malaysia untuk menjadi hab pendidikan global.

- **Para Hadirin Sekalian,**

1) SOARING UPWARDS

- Pendidikan merupakan bidang paling penting dan perlu diperkukuhkan pada masa ini. Ia bukan perlu dimulai dari kosong tetapi memastikan perjalanan pendidikan itu dipacu dengan pencapaian berterusan sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).
- Hasrat murni ini disokong pihak Kementerian dengan adanya siri Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi (Soaring Upwards) yang disampaikan sendiri oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi di seluruh Malaysia untuk menyebarluas perkembangan dan pencapaian berkaitan pendidikan tinggi negara ke arah menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti. Siri jelajah Soaring Upwards telah dilaksanakan secara berkala sejak 2015.

Untuk makluman hadirin sekalian, YB Menteri KPT Dato' Seri Idris juga telah menekankan hasrat KPT untuk menawarkan sistem pendidikan yang terbaik dimana dapat ditawarkan oleh Malaysia kepada warga Malaysia sendiri dan juga di dunia.

USAHA KEMENTERIAN :

2) KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI NEGARA

Pada awal tahun, KPT telah menjayakan Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN). Karnival KPTN ini bertujuan memberi peluang kepada orang ramai terutama pelajar lepasan SPM dan STPM untuk mendapatkan panduan serta maklumat terperinci dan terkini dari universiti-universiti dan kolej-kolej di Malaysia yang menyertai pameran pendidikan tersebut. Selain itu, program ini dijalankan sebagai Pusat Sehati (One Stop Centre) yang bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi akreditasi dan pembiayaan bagi Lulusan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf.

Bagi Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2017 sebanyak 7 zon terlibat di seluruh negara. Antaranya negeri Kelantan, Perlis, Johor, Pulau Pinang, Sarawak, Sabah dan Negeri Sembilan. KPTN juga dikenali sebagai Karnival Jom Masuk U.

3) MATLAMAT PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PENDIDIKAN TINGGI)

- Seperti yang anda sedia maklum, YAB Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan blueprint pendidikan Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan

Malaysia yang dinamakan pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 pada 7 April 2015.

- PPPM PT yang baharu ini dibentuk untuk dijayarkan dengan Program Transformasi kerajaan, Pelan Transformasi Ekonomi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pra sekolah hingga pendidikan lepas menengah) 2013-2025 dan Rancangan Malaysia ke -11 untuk memastikan agenda transformasi nasional negara yang konsisten dan koheren.
- PPPM(PT) dirangka berlandaskan 5 aspirasi yang juga dinyatakan dalam PPPM iaitu akses,kualiti,ekuiti, perpaduan dan kecekapan.
- PPPM (PT) menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Lonjakan ini akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Lonjakan ini juga akan menjelaskan kaedah untuk menangani isu berkaitan prestasi utama sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang semakin mencorakkan landskap pendidikan tinggi. Empat lonjakan yang pertama berfokus kepada keberhasilan warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam lonjakan seterusnya memberi tumpuan kepada pemboleh ubah (*enablers*) ekosistem pendidikan tinggi, merangkumi

pembiayaan, tadbir urus, inovasi pembelajaran dalam talian, pengantarabangsaan dan penyampaian.

- Kementerian meletakkan sasaran untuk meningkatkan enrolmen pendidikan tinggi. Bentuk sebenar peningkatan adalah dilihat dari segi bilangan tempat pengajian dan profil program ditentukan secara kerjasama erat dengan industri untuk memastikan penawaran adalah sepadan dengan permintaan.
- Justeru, pihak kementerian, khususnya JPT pada hari ini mengambil inisiatif mengadakan **engagement** bersama IPTS yang juga merupakan usaha berterusan JPT untuk mengukuhkan dan memperkasakan kualiti pendidikan tinggi swasta di Malaysia, selaras dengan agenda transformasi untuk mengangkat tahap pendidikan negara ke peringkat yang lebih tinggi.

Para Hadirin Sekalian,

- Sebagai persediaan dalam menghadapi cabaran transformasi pendidikan di peringkat global, kualiti program pendidikan perlu ditingkatkan. Perkongsian strategi dan pelan tindakan yang dirangka dan sedang digunapakai turut dikongsi bersama IPTS.

4) PINDAAN AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI IPTS 1996

[AKTA555]

Untuk makluman hadirin sekalian, amalan pengawalseliaan bertujuan untuk memastikan kualiti perkhidmatan, sumber dan amalan tadbir urus dan pengurusan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) adalah tinggi supaya tahap kualiti, kemampanan (*sustainability*) dan daya saing IPTS juga adalah tinggi dan terjamin.

Impak globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan program-program transformasi kementerian dan negara memerlukan amalan pengawalseliaan ini disemak dan dipinda mengikut keperluan semasa supaya peluang perkembangan serta peningkatan daya saing sektor pendidikan tinggi swasta dan IPTS dapat diberi penekanan sewajarnya.

Pihak kementerian juga sedar akan keperluan menyemak semula kaedah pengawalseliaan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian selaras dengan perkembangan semasa pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu, kajian serta penelitian telah dijalankan sebagai usaha untuk membantu pihak Kementerian dalam mengenalpasti dan melaksanakan amalan pengawalseliaan yang terbaik.

Cadangan Pindaan Rang Undang-undang IPTS 1996 (Akta 555) ini dilihat adalah bertujuan memperjelaskan dan memperkukuhkan peruntukan Akta 555 agar ia menjadi *enabler* bagi transformasi pengawalseliaan yang akan dilaksanakan menerusi pindaan peraturan-peraturan yang sedang disemak semula dan dimurnikan oleh pihak Kementerian. Transformasi pengawalseliaan tersebut antara lain akan membolehkan kaedah pengawalseliaan IPTS yang lebih fleksibel mengikut pencapaian (*achievement*) dan pematuhan (*compliance*) kualiti supaya layanan berbeza (*differential treatment*) dapat dipertimbangkan dalam pengoperasiaan IPTS.

Para Hadirin Sekalian,

Pendidikan Tinggi Swasta adalah alternatif kepada pelajar untuk mendapat pendidikan tinggi berkualiti, justeru bagi melahirkan graduan berkualiti amalan pengawalseliaan perlu mengikut peningkatan kualiti IPTS.

Pindaan ini akan menjadikan Akta 555 dan peraturan-peraturannya semakin mantap dan berkesan apabila beberapa peruntukannya yang kurang jelas, tidak konsisten dan kekurangan pemboleh (*enabler*) ditambahbaik.

Cadangan Pindaan ini cuba memenuhi komitmen Malaysia kepada beberapa perjanjian antarabangsa seperti keperluan mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif untuk sektor pendidikan tinggi swasta bagi meningkatkan

tahap daya saing. Begitu juga dengan komitmen Kementerian untuk meningkat keupayaan, kualiti dan sokongan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada *stakeholder*. Kementerian sedang berusaha untuk menjayakan permohonan secara talian dan proses kelulusan yang lebih efektif.

Pindaan Akta 555 yang memperlihatkan sebanyak 31 seksyen Akta dipinda akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Mac 2016. Dimana, pindaan yang bakal dilaksanakan oleh pihak Kementerian ini akan memperkukuhkan dan memantapkan sektor pendidikan tinggi swasta agar perkhidmatan pendidikan tinggi swasta yang ditawarkan oleh pihak IPTS adalah berkualiti dan berupaya untuk bersaing diperingkat antarabangsa seterusnya membantu pihak Kementerian mencapai aspirasi agar Malaysia menjadi Hub Pendidikan Tinggi serantau yang berkualiti.

Kesimpulannya cadangan pindaan ini memberi peluang dan ruang kepada sektor dan institusi pendidikan tinggi swasta untuk membangun ke arah meningkatkan tahap kualiti dan daya saing. Usaha ini membawa implikasi kepada amalan pengawalseliaan yang lebih relevan, praktik dan wajar oleh Kementerian.

Para Hadirin Sekalian,

ISU-ISU TERKINI SEKTOR IPTS:

5) PENJENAMAAN SISTEM PENGURUSAN INFORMASI INSTITUSI

IFMS II

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bertanggungjawab mengurus dan memantau permohonan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang merangkumi proses seperti penubuhan dan pendaftaran IPTS, pengurusan maklumat pelajar, tenaga pengajar dan kursus pengajian serta proses pemantauan. Selaras dengan usaha Kementerian untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat/ pelanggan, aplikasi IPTS *Formation Management System* (IFMS) (kemudiannya dijenamakan semula kepada e-IPTS) telah dibangunkan. Modul-modul yang dibangunkan adalah penubuhan dan pendaftaran IPTS, kursus pengajian, permit mengajar, ketua eksekutif, inspektorat, data pelajar dan pembayaran secara atas talian.

Antara faedah-faedah utama penggunaan Sistem e-IPTS adalah seperti berikut:

- 3.1 meningkatkan mutu penyampaian - tempoh semakan dan kelulusan bagi permohonan-permohonan yang terlibat dapat disingkatkan;
- 3.2 mengurangkan kos (*paper less*) pengurusan/ pentadbiran;
- 3.3 sumber pengumpulan data dan maklumat IPTS; dan

3.4 membantu pemerkasaan elemen pemantauan dan penguatkuasaan.

Jadual pelaksanaan bagi sistem e-IPTS telah bermula pada Februari dan akan berakhir pada awal April 2017.

3. Jabatan telah mengeluarkan arahan melalui satu surat pengemaskinian kepada Ketua Eksekutif IPTS untuk mengemaskini maklumat-maklumat di dalam sistem eIPTS sehingga 15 Mac 2017 dan sistem ini akan akan dilancarkan secara *go-live* pada 4 April 2017. Kerjasama Tuan/Puan amat diharapkan untuk merealisasikan hasrat ini.

Para Hadirin Sekalian,

**6) Malaysian Quality Evaluation System for Private Colleges
(MyQUEST)**

Sistem penilaian dan penarafan (P&P) The Malaysian Quality Evaluation System for Private Colleges atau MyQUEST telah dibangunkan oleh

Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun 2009. MyQUEST merangkumi Penarafan Berasaskan Kolej, Penarafan Berasaskan Bidang dan Penarafan Perkhidmatan Pelajar Antarabangsa. Dalam reka bentuk MyQUEST, terdapat 5 kriteria yang akan dinilai iaitu pelajar, sumber, Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), pengiktirafan kursus dan pengiktirafan graduan. Setiap kriteria dibahagikan kepada beberapa petunjuk kualiti yang membolehkan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) mengetahui status terkini IPTS tersebut. Penarafan MyQUEST dilaksanakan dua tahun sekali dan telah dilaksanakan pada tahun 2011, 2013 dan 2015.

MyQUEST penting untuk menilai sejauh mana institusi telah mencapai penanda aras yang ditetapkan bagi setiap indikator kualiti dan untuk memastikan IPTS beroperasi dalam rangka kerja pengawal seliaan serta memberi peluang pembangunan kepada kolej swasta melalui penilaian dan penambahbaikan sendiri. Keadaan ini membuka ruang kepada kolej swasta untuk meningkatkan daya saing melalui budaya kecemerlangan kualiti, kemapanan, amalan dan sumber terbaik. Penarafan MyQUEST bertujuan memaklumkan pihak berkepentingan tentang tahap kualiti kolej swasta dan menjadi rujukan penting untuk membuat keputusan termaklum.

Bagi tahun 2011, sebanyak 210 kolej telah diberi penarafan daripada jumlah 400 kolej berdaftar, manakala pada tahun 2013 sebanyak 209 kolej daripada jumlah 416 kolej berdaftar dan bagi tahun 2015 sebanyak 199 kolej daripada jumlah 406 kolej berdaftar telah diberi penarafan.

Penarafan dikategorikan mengikut 1 bintang bagi lemah sehingga 6 bintang bagi gemilang. Keputusan telah menunjukkan penambahbaikan kualiti secara am bagi penarafan berasaskan institusi iaitu bagi 4*-6* dari sesi 2010/2011 (39.6%) ke sesi 2012/2013(50.8%). Pada masa yang sama, telah terdapat penurunan dalam peratus kolej swasta dalam kategori *lower achievers* yang memperolehi bintang 1-3* dari sesi 2010/2011 (60.4%) ke sesi 2012/2013(49.2%).

KAEDAH PELAKSANAAN

Penyertaan dan Penarafan

Pada tiga sesi yang lepas, penyertaan dalam P&P adalah secara pilihan (*optional*) bagi fasa pertama dan fasa kedua. Fasa pertama melibatkan kemasukan data yang dipohon ke dalam sistem MyQUEST. Ia adalah bertujuan untuk menyemak kelayakan penyertaan serta memberi input kepada kolej swasta tentang status awal kualiti institusi. Bagi sesi MyQUEST 2016/2017, penyertaan fasa pertama adalah wajib bagi semua kolej swasta.

Untuk mengesahkan data input adalah sah, aktiviti audit akan dijalankan ke atas kolej berkaitan. Keputusan hasil audit bersama dengan hasil aktiviti fasa pertama akan diharmonikan untuk mencapai skor yang telah diverifikasikan. Aktiviti fasa audit adalah opsional dan mereka yang layak dan bersetuju untuk menyertai perlu membayar kos perkhidmatan mengikut bilangan enrolmen kolej tersebut.

Para Hadirin Sekalian,

7) Mereka bentuk Pendidikan Tinggi

Kementerian turut menekankan inisiatif mereka bentuk pendidikan tinggi termasuk pendidikan fleksibel (***Flexible Education***). Antara yang telah diperkenalkan oleh KPT adalah Integrated Cumulative Grade Point Average (Purata Nilai Gred Kumuatif Bersepadu) (iCGPA). Dengan adanya iCGPA, mahasiswa boleh mengenalpasti kekuatan dan kelemahannya; pihak Universiti boleh menyediakan program intervensi untuk membantu mahasiswa mengatasi kelemahan; dan pihak industri dapat menyediakan latihan dalam mengukuhkan perkembangan mahasiswa tersebut ketika latihan industri. Selain itu, KPT turut memperkenalkan 2u2i yang bermaksud 2 tahun di universiti dan 2 tahun di industry. 2u2i merupakan program pembelajaran berasaskan pekerjaan (work based learning) yang berobjektifkan meningkatkan ketersediaan mahasiswa untuk memasuki industry setelah tamat pengajian mereka dan ini selaras dengan Lonjakan 1 PPPM(PT). Selain itu, program CEO@Faculty dan Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) di bawah kelolaan MQA juga merupakan usaha Kementerian untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian.

Akhir sekali, saya dengan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan bersama kami pada hari ini. Saya berharap engagement seperti ini dapat membantu IPTS untuk terus melestarikan pencapaiannya demi kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

Tidak lupa juga tahniah dan syabas juga diucapkan kepada urus setia program ini iaitu bahagian-bahagian di bawah Sektor Swasta iaitu Bahagian Governan IPTS, Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat, Bahagian Pendaftaran dan Piawiaan melalui usaha yang berterusan dan penuh dengan komitmen program yang amat bermakna seperti ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, Wabillahitaufik wal hidayah wassalamualaikum
warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera.